

BAB VI

PENUTUP

KESIMPULAN

Perbincangan komunikasi semasa seringkali didominasikan oleh pemikiran sains Barat. Bagaimanapun, kenyataan yang berlaku dewasa ini telah memperlihatkan kekurangan serta kelemahan perspektif tersebut. Melihat kepada kekurangan dan kelemahan dalam perbincangan serta pemikiran sains Barat, maka langkah-langkah sewajarnya perlu diambil bagi memperbaiki keadaan tersebut.

Islam sebagai sebuah agama dan tradisi yang besar serta berpengaruh, mempunyai perspektifnya tersendiri dalam setiap perkara. Justeru, perspektif Islam perlu dikaji dan ditonjolkan bagi mengimbangi dominasi Barat dalam perbincangan komunikasi semasa.

Dalam memperkatakan persoalan komunikasi, adalah wajar untuk difahami hakikat diri manusia terlebih dahulu. Ini kerana manusia seringkali dijadikan fokus dalam perbincangan komunikasi semasa. Manusia seringkali diungkapkan sebagai haiwan rasional dalam istilah sains Barat. Rasionaliti adalah sandaran pemikiran sains Barat dan akal dijadikan sebagai tunjangnya. Namun dalam Islam, rasionaliti hanyalah sebahagian daripada fungsi akal, dan bukanlah sesuatu yang “*ultimate*” . Akal yang sihat sentiasa bertepatan dengan wahyu Allah dan tidak akan bertentangan dengan ajaran-ajaran al-Quran.

Al-Quran dan al-Sunnah telah menerangkan tentang hakikat kejadian manusia. Manusia diciptakan oleh Allah dengan gabungan antara jasad dan roh. Oleh itu, manusia diklasifikasikan sebagai *al-Nafs al-Hayawaniyyah* apabila terlibat dengan unsur jasad, dan diklasifikasikan sebagai *al-Nafs al-Natiqah* apabila terlibat dengan unsur rohani. Manusia dianugerahkan ilmu berkenaan dengan perkara-perkara yang dapat dirasai dan juga yang berbentuk intelektual serta ilmu berkaitan ketuhanan.

Manusia secara semulajadinya adalah pelupa yang menjurus kepada mengengkari Tuhan, seterusnya membawa kepada kezaliman dan kejahilan. Justeru, manusia perlu sentiasa mengadakan proses interaksi dan komunikasi bagi mengingatkan diri tentang tanggungjawab penciptaannya sebagai khalifah Allah di muka bumi. Pada dasarnya, komunikasi tersebut menjadi kenyataan kerana hakikat manusia yang terdiri daripada jasad dan roh telah dibekalkan dengan pelbagai bentuk maklumat secara "semulajadi" dan dipandu oleh wahyu Ilahi.

Komunikasi secara umumnya, adalah satu seni menyalurkan maklumat, idea-idea dan sikap-sikap dari seseorang kepada seorang yang lain. Komunikasi juga merupakan usaha untuk memberikan makna, suatu tindakan kreatif yang diinisiatifkan oleh seseorang bagi memilih serta mengolah pelbagai tanda agar dapat menyesuaikan dirinya dengan persekitaran di samping memenuhi keperluan diri yang sentiasa berubah. Tanda-tanda tersebut memberikan makna yang boleh dimengertikan. Makna-makna tersebut, bermaksud lebih daripada sekadar komunikasi *verbal* (lisan) dan *non verbal* (bukan lisan). Ini kerana komunikasi adalah satu proses penyaluran maklumat yang turut meliputi ucapan, tulisan, tingkah laku, tindakan, penampilan, autoriti dan sebagainya.

Menurut perspektif Islam, komunikasi adalah berbentuk tiga dimensi. Komunikasi merupakan satu bentuk hubungan dan interaksi yang perlu wujud antara tiga unsur utama kehidupan iaitu manusia, alam dan Tuhan. Dalam hal ini, ketiga-tiga unsur tersebut adalah berkait rapat dan saling memerlukan, khususnya dalam konteks manusia sebagai fokus utamanya. Komunikasi manusia tidak akan terlepas daripada hubungannya dengan Tuhan. Hakikat tersebut menjadikan perbincangan komunikasi mengenai hubungan serta interaksi yang berlangsung antara sesama manusia, secara tidak langsung turut menyangkut persoalan ketuhanan dan alam.

Komunikasi merupakan fitrah atau *nature* bagi setiap manusia. Manusia, menurut pandangan Islam, memang telah tahu berbicara semenjak awal kewujudannya di muka bumi. Adam merupakan manusia pertama yang diciptakan oleh Allah dan menjadi moyang bagi sekelian manusia. Kebolehan Adam berbicara dan berkomunikasi telah diakui oleh al-Quran. Malah Adam telah tahu berbicara semenjak seawal kejadiannya di syurga lagi, iaitu sebelum diutuskan ke muka bumi.

Dalam konteks kewujudan manusia di muka bumi, fitrah berkomunikasi tersebut telah ada dalam diri manusia dari peringkat sebelum kelahirannya ke dunia ini lagi. Hal ini dibuktikan melalui perbincangan mengenai *Alam Mithaq* atau *Primordial Covenant*. Setelah kelahirannya, manusia menggunakan pelbagai simbol dan bahasa untuk berkomunikasi, seperti yang dikemukakan kebanyakannya oleh sains Barat.

Al-Quran telah memberikan gambaran tentang komunikasi yang diadakan oleh manusia semenjak awal penciptaannya (di syurga) dan sebelum kelahirannya ke muka bumi (*alam mithaq*). Hakikat tersebut secara tidak langsung telah

membuktikan bahawa komunikasi Islam mempunyai sejarah yang lebih awal daripada apa yang diterangkan oleh sains Barat. Sains Barat hanya menerangkan kewujudan proses komunikasi bermula daripada zaman batu, dan terus berkembang sehingga ke hari ini. Perbincangan mereka juga lebih berbentuk operatif dan fungsional.

Islam mengiktiraf fitrah berkomunikasi dalam diri manusia. Justeru, Islam meletakkan prinsip dan adabnya yang tersendiri agar fitrah tersebut terpandu ke arah yang diredhai Allah, lantaran keredhaan Alah merupakan matlamat utama kehidupan manusia di muka bumi ini. Dalam konteks tersebut, Islam amat menekankan sudut spiritual atau rohaniyyah dan akhlak dalam berkomunikasi. Manakala dari sudut operasi dan teknikal sesebuah proses komunikasi, adalah seperti yang disediakan oleh dunia saintifik.

Fitrah berkomunikasi hadir bersama kejadian setiap insan. Bagi individu mukallaf, setiap interaksi dan komunikasi yang dilakukannya adalah dakwah, kerana dakwah merupakan tanggungjawab setiap insan. Hal tersebut telah dinyatakan oleh al-Quran dan al-Sunnah, yang merupakan dua sumber utama bagi perbincangan dalam komunikasi menurut perspektif Islam.

Dakwah berlangsung dalam dua cara iaitu *lisan al-maqal* (perkataan) dan *lisan al-hal* (perbuatan), seperti juga komunikasi berlangsung melalui dua keadaan iaitu verbal dan non verbal. Komunikasi dan dakwah saling berkaitan dalam kehidupan manusia sehari-hari, pada semua peringkat. Justeru, Islam amat menekankan agar komunikasi dan interaksi manusia agar didasari oleh tiga asas utama iaitu aqidah, syariah dan akhlak.

Asas-asas tersebut menjadikan komunikasi Islam bersifat kerohanian dan keagamaan. Aspek spiritualiti dan akhlak sentiasa menjadi landasan utama kehidupan manusia. Komunikasi dalam Islam menitik-beratkan persoalan spiritual dan akhlak lebih daripada persoalan berbentuk fizikal dalam sesebuah proses komunikasi. Justeru, komunikasi dalam Islam adalah lebih terpelihara dan ada matlamat akhirnya iaitu keredhaan Allah. Komunikasi yang merupakan sebahagian daripada *habl min al-nas*, perlu bergandingan dengan *habl min Allah* agar dapat mencapai matlamat tersebut.

Fenomena tersebut adalah berbeza sama sekali dengan sains Barat. Keadaan ini mungkin terjadi kerana sekularisme telah begitu mencengkam pemikiran golongan sarjana. Sekularisme yang menyerang telah merebak secara menyeluruh dalam pelbagai aspek kehidupan manusia. Serangan sekularisme yang begitu hebat turut memberikan kesan kepada dunia ilmiah. Lantaran itu, adalah tidak menghairankan apabila ilmu yang dilahirkan adalah bersifat sekular, termasuklah juga ilmu komunikasi.

Konsep komunikasi Islam bersifat menyeluruh, merangkumi aspek-aspek spiritual dan fizikal, serta meliputi bidang-bidang kehidupan manusia termasuklah sosial, budaya, ekonomi dan politik. Kelebihan ketara jika dibandingkan antara konsep komunikasi Islam dan Barat ialah fungsi sosial dan spiritualitinya. Islam amat menekankan juga persoalan adab dan akhlak dalam berkomunikasi. Semuanya bergerak di atas landasan aqidah, syariah dan akhlak, berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah. Peraturan-peraturan Ilahi tersebut bertujuan untuk membentuk kehidupan manusia yang teratur dan bergerak lancar sesuai dengan fitrah kejadian diri manusia sendiri.

Dengan itu, maka dapat dikatakan bahawa sistem komunikasi Islam adalah lebih luas, terperinci dan bersepada, manakala sistem komunikasi Barat pula bersifat operatif, positivistik dan fungsional. Kekurangan fungsi sosial dan lain-lainnya dalam sistem komunikasi Barat telah ditampung oleh sistem komunikasi Islam.

Komunikasi dalam Islam adalah bersifat fleksibel kerana masih boleh menerima pembuktian saintifik yang dikemukakan oleh sains Barat, selagi mana tidak bertentangan dengan syarak. Akal dan rasional yang menjadi tunjang dunia sains adalah tidak bertentangan dengan Islam kerana dalam Islam, akal sentiasa dipandu oleh wahyu. Malah pembuktian sains tersebut sebaliknya telah membuktikan keluasan ilmu dalam Islam sendiri, di samping membuktikan kekuasaan Allah.

Komunikasi adalah elemen penting dalam kehidupan manusia. Menerusi komunikasi, masyarakat adalah didasarkan kepada bentuk kehidupan bersama untuk mencapai tujuan bersama, dalam bentuk ucapan, tindakan dan kerjasama. Menerusi komunikasi juga, individu akan mendapat pengetahuan, informasi dan pengalaman kehidupan. Justeru, akan terbentuklah sikap persefahaman, percakapan, keyakinan, kepercayaan, tindakan dan kawalan sewajarnya dalam rangka membentuk kehidupan yang harmoni. Kepincangan dalam berkomunikasi akan hanya menyebabkan ketidak seimbangan dalam kehidupan manusia, sama ada di peringkat individu mahupun di peringkat yang lebih luas lagi.

Memandangkan kedudukan komunikasi yang begitu penting dalam kehidupan bermasyarakat, Islam telah menggariskan beberapa metod komunikasi yang diiringi dengan prinsip dan adabnya tersendiri. Komunikasi merupakan keperluan dan

tanggungjawab setiap individu dalam mencapai matlamat tertentu. Interaksi dan komunikasi yang dijalankan oleh manusia membawa mesej tertentu. Atas dasar tersebut maka komunikasi dan dakwah adalah begitu sinonim, kerana dakwah juga mempunyai mesej untuk disampaikan serta menjadi tanggungjawab setiap individu.

Penyampaian mesej dan fungsi-fungsi komunikasi yang lain merupakan sebahagian daripada tanggungjawab dakwah yang perlu dipikul oleh setiap individu mukallaf. Antara metod utama yang digunakan dalam sesuatu mesej dakwah ialah khitabah ataupun penggunaan retorik. Mempelajari khitabah adalah suatu kewajipan lantaran berdakwah adalah tanggungjawab setiap individu mukallaf. Namun dari sudut praktikalnya, khitabah atau retorik menjadi satu keperluan serta tuntutan bagi mereka yang terlibat secara langsung dengan aktiviti dakwah, seperti *da'i* dan pemimpin.

Setiap mesej yang disampaikan perlu dipastikan kesahihannya. Anjuran dan tuntutan tersebut telah digariskan oleh Islam bagi menjaga kepentingan serta kebaikan bersama, di samping mengelakkan tersebarnya amalan-amalan negatif seperti dusta, fitnah dan sebagainya. Keprihatinan Islam dalam perkara tersebut dapat disaksikan juga melalui pelbagai syarat yang dikenakan dalam proses persaksian di mahkamah, malah menjadi suatu kriteria utama dalam menentukan '*adalah* (keadilan) individu. Ia juga salah satu kayu ukur yang digunakan dalam *ilmu al-jarh wa al-ta'dil*.

Komunikasi dan dakwah juga adalah berkait rapat dengan kepimpinan. Setiap pemimpin perlu menjalankan tanggungjawab dakwah. Manakala setiap pendakwah adalah pemimpin, malah setiap individu juga adalah pemimpin berdasarkan peringkat-

peringkat tertentu. Setiap pemimpin perlu berkomunikasi dalam menjalankan tanggungjawab kepimpinan serta dakwahnya, dan begitulah sebaliknya.

Hubungan antara komunikasi, dakwah dan kepimpinan dapat dikesan melalui empat perkara iaitu penglibatan individu, fungsi mempengaruhi pihak lain, tanggungjawab akhlak, serta matlamat atau objektif yang sama dan saling berkaitan. Keberkesanan setiap satu perkara tersebut adalah dipengaruhi oleh setiap perkara yang lain. Itulah uniknya komunikasi dalam Islam.

Diskusi atau syura merupakan salah satu metod utama dalam komunikasi, dakwah dan kepimpinan. Diskusi lebih merujuk kepada perbincangan atau mesyuarat, manakala syura pula lebih merujuk kepada institusi permesyuaratan tertentu. Syarat keanggotaan dalam diskusi adalah lebih longgar dan terbuka berbanding dengan institusi syura. Namun, diskusi dan syura tetap merupakan sunnah serta tuntutan dalam Islam, khususnya dalam perkara yang melibatkan kepentingan bersama.

Dalam apa jua keadaannya, pertimbangan pendapat dari semua pihak (*istizaj al-araa*) yang merupakan tuntutan diskusi dan syura, perlu diperaktikkan demi memelihara kebaikan serta keharmonian hidup bersama. Ini termasuklah di peringkat keluarga, organisasi, komuniti, negara dan antarabangsa.

Keberkesanan komunikasi, dakwah dan kepimpinan akan melahirkan ikatan bersepadau antara kepentingan serta kemajuan dunia dan ukhrawi, rohani dan fizikal. Secara tidak langsung, ia akan menyumbang ke arah kelahiran serta kekuatan integrasi ummah.

Kekuatan integrasi ummah dan kedaulatan Daulah Islamiyyah, yang pernah wujud pada peringkat awal pemerintahan Islam, semakin longgar dan akhirnya tinggal kenangan akibat daripada kelemahan umat Islam sendiri. Serangan ideologi Barat ke atas pemikiran umat Islam, di samping dasar kolonialisasi serta imprealisasi yang dilancarkan oleh mereka, telah membuatkan integrasi umat Islam semakin hancur.

Integrasi ummah dapat diusaha serta dikembalikan melalui keberkesanan komunikasi, dakwah dan kepimpinan secara bersepada dalam Islam, di samping sikap terbuka serta usaha bersungguh-sungguh oleh semua pihak dalam merealisasikannya. Kepentingan peribadi ataupun pihak tertentu perlu dikorbankan demi kepentingan bersama. Ini adalah cabaran yang perlu diatasi oleh umat Islam dalam usaha mengembalikan kegembilangan Peradaban Islam. Sekalipun Peradaban Islam masih subur tanpa daulahnya, namun kekuatan umat Islam dan kesinambungan peradabannya banyak bergantung kepada integrasi ummah.

Secara umumnya, keberkesanan komunikasi dalam Islam tidak hanya diukur setakat sejauh mana mesej yang ingin disampaikan mampu diterima, sebaliknya ia diharap akan dapat melahirkan personaliti Muslim yang berketerampilan serta terpelihara akhlak dan moralnya, di samping perlaksanaan tanggungjawab sebagai pendakwah dan pemimpin.

Komunikasi dalam Islam telah melahirkan insan dan individu berkualiti yang membina serta mempertahankan Peradaban Islam. Ini kerana komunikasi dan Peradaban Islam adalah diasaskan oleh tiga perkara yang sama iaitu aqidah, syariah dan akhlak, di samping menuju matlamat yang sama iaitu *Mardhatillah*.

Sistem komunikasi Islam dengan konsep, prinsip dan adab yang tersendiri, secara keseluruhannya, telah memainkan peranan penting dalam melahirkan sebuah Peradaban Islam yang unggul. Sistem komunikasi Islam tersebut jika diamalkan sepenuhnya akan dapat melahirkan individu Muslim yang berwibawa dan mampu membentuk masyarakat madani. Seterusnya membawa ke arah pembinaan serta perkembangan Peradaban Islam yang utuh.

Hakikat tersebut telah dibuktikan pada peringkat awal kelahiran serta perkembangannya iaitu pada zaman Rasulullah SAW dan para sahabatnya. Atas dasar yang sama juga, Peradaban Islam, walaupun tanpa daulahnya tersendiri, masih terus kukuh bertahan merentasi sempadan masa dan geografi sehingga dewasa ini.